



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENEMPATAN PELAJAR BAGI
MENJALANI LATIHAN AMALI/PRAKTIKUM**

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN.....	3
2.	OBJEKTIF.....	3
3.	DEFINISI.....	4
4.	SYARAT-SYARAT UMUM.....	5
5.	SYARAT-SYARAT KHUSUS.....	5-6
6.	TANGGUNG JAWAB IPT.....	6-7
7.	TANGGUNGJAWAB PELAJAR.....	7-8
8.	TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN.....	9
9.	DOKUMEN PERMOHONAN.....	10
10.	RUJUKAN.....	10-11

1. PENGENALAN

Dokumen ini merupakan garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memberi penjelasan kepada Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, Ketua Jabatan serta pelajar berhubung dengan prosedur permohonan penempatan pelajar untuk menduduki latihan amali/praktikum di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaras dengan Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) bernombor rujukan JPA(L)S.175/4/4-2 Klt.4 (21) bertarikh 6 September 2019 berhubung Ketetapan Bayaran Elaun Kepada Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Yang Mengikuti Latihan Amali/Praktikal Di Sektor Awam.

Semua akta-akta, surat pekeliling, surat siaran, arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa perlu dibaca bersama garis panduan ini.

2. OBJEKTIF

Objektif panduan ini adalah untuk:

- 2.1 memberi penjelasan kepada pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) berhubung prosedur permohonan penempatan;
- 2.2 memastikan setiap pelajar latihan amali/praktikum membuat permohonan melalui Universiti masing-masing bagi memastikan ia sistematik dan teratur;
- 2.3 memberi panduan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat yang jelas berhubung syarat, peraturan dan prosedur permohonan yang ditetapkan oleh JKMs;
- 2.4 memberi panduan kepada Ketua Jabatan untuk merancang dan mengenal pasti tugas yang boleh dilaksanakan oleh pelajar sebelum penempatan dibuat; dan

2.5 menjelaskan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam urusan permohonan penempatan pelajar.

3. DEFINISI

3.1 **“Institusi Pengajian Tinggi” (IPT)** bermaksud Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta di dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi luar negara;

3.2 **“Pelajar”** bermaksud pelajar daripada IPT yang menduduki latihan amali/praktikum di JKM;

3.3 **“Penempatan”** bermaksud penempatan pelajar latihan latihan amali/praktikum di mana-mana Bahagian/JKMN/Institusi di bawah JKM;

3.4 **“Ketua Jabatan”** bermaksud Ketua di sesuatu Bahagian/JKMN/Institusi di bawah JKM;

3.5 **“Coronavirus” (Cov)** Coronavirus adalah satu keluarga besar virus yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan seperti Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) dan Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus (MERS-CoV). Coronavirus terbaharu dan menjadi pandemik di seluruh dunia kini dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019 (COVID-19);

3.6 **“kontak rapat”** ialah individu yang berhubung secara langsung dengan kes positif COVID-19 dalam masa 14 hari kebelakangan, sama ada bersemuka dengan pesakit COVID-19 pada jarak kurang 1 meter dan bersentuhan (kontak fizikal) dengan pesakit COVID-19;

3.7 **“Person Under Investigation” (PUI)** ialah individu yang mempunyai gejala ringan COVID-19 dan tidak memenuhi kriteria bagi kemasukan ke wad; dan

3.8 “**Person Under Surveillance**” (**PUS**) bermaksud individu yang mempunyai kriteria epidemiologi tetapi tidak bergejala, iaitu sama ada:

- i. Pernah menghadiri majlis atau kawasan yang dikaitkan dengan kluster COVID-19 atau zon merah **ATAU**
- ii. Pernah mengembara/tinggal di luar negara dalam masa 14 hari sebelum bergejala **ATAU**
- iii. Kontak rapat dengan pesakit COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum bergejala.

4. **SYARAT-SYARAT UMUM**

Penempatan pelajar-pelajar latihan amali/praktikum di JKM adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 4.2 pelajar terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- 4.3 pelajar adalah meliputi pelajar yang mengikuti pengajian di IPT di dalam dan luar negara;
- 4.4 keperluan mengikuti latihan latihan amali/praktikum merupakan salah satu syarat pengajian untuk pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya;
- 4.5 tempoh latihan latihan amali/praktikum tertakluk kepada tempoh yang ditetapkan oleh IPT; dan
- 4.6 diperakukan oleh Dekan/Ketua Program di IPT masing-masing

5. **SYARAT-SYARAT KHUSUS**

Penempatan pelajar-pelajar latihan latihan amali/praktikum di JKM turut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 5.1 pelajar **hendaklah** menandatangani surat Aku Janji Latihan Amali/Praktikum dan mengemukakan salinan status vaksinasi yang telah lengkap pengambilan dua (2) dos vaksin kepada Bahagian Pengurusan JKM dan sesalinan kepada JKMN;
- 5.2 pelajar perlu **menyediakan** satu (1) Laporan Praktikum apabila telah selesai menjalani latihan amali/praktikum dan memberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (Penyelaras Latihan Negeri) JKM;
- 5.3 pengangkutan, penginapan, makan dan minum **tidak ditanggung** oleh JKM; dan
- 5.4 **bidang pengkhususan** yang diberikan **keutamaan** adalah seperti berikut:

BIL	BIDANG PENGKHUSUSAN	PENEMPATAN
I	Kerja Sosial / Keadilan Sosial / Sosiologi / Kaunseling / Psikologi / Pendidikan Khas	Penempatan di JKMN / PKMD / Institusi JKM
II	Dakwah / Pengajian Al-Quran & Sunnah / Pengajian Islam / Pemakanan / Perawatan / Fisioterapi / Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Penempatan di Institusi JKM

6. TANGGUNG JAWAB IPT

IPT hendaklah bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut:

- 6.1 memastikan pelajar membuat permohonan melalui fakulti masing-masing sebelum mengemukakan surat permohonan ke JKM **selewat-**

lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh pelajar memulakan latihan amali/praktikum;

- 6.2 membuat perubahan/ pindaan (*adjustment*) kepada kaedah pengumpulan jam kredit pelajar sekiranya penempatan di JKM perlu ditutup atas arahan berkaitan COVID-19; dan
- 6.3 membuat penilaian terhadap hasil pembelajaran pelajar semasa menjalani latihan amali/praktikum.

7. TANGGUNG JAWAB PELAJAR

Pelajar yang menjalani latihan amali/praktikum di JKM hendaklah mematuhi dan bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut:

- 7.1 membuat permohonan penempatan latihan amali/praktikum melalui fakulti masing-masing;
- 7.2 menandatangani Aku Janji Latihan Amali/Praktikum yang telah ditetapkan;
- 7.3 mengemukakan salinan status vaksinasi pelajar yang telah melengkapkan dua (2) dos vaksin;
- 7.4 tidak dibenarkan untuk menarik diri sekiranya pihak JKM telah menawarkan penempatan pelajar di JKM **KECUALI** dengan makluman secara rasmi melalui IPT dan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh melapor diri;
- 7.5 melaporkan diri pada tarikh dan tempat yang telah ditetapkan;
- 7.6 hadir ke pejabat seperti waktu bekerja dan berpakaian penjawat awam;

- 7.7 dibenarkan bercuti dengan kelulusan IPT atau penyelia tanpa dibayar sebarang elaun;
- 7.8 mengemukakan bukti bertulis (emel, surat atau buku log) bagi ketidakhadiran ke pejabat sekiranya mempunyai keperluan untuk berjumpa dengan penyelia di IPT masing-masing;
- 7.9 mematuhi semua peraturan yang berkaitan dengan tata kelakuan dan disiplin penjawat awam;
- 7.10 mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) mengikut fasa di setiap negeri yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- 7.11 memaklumkan kepada penyelia sekiranya didapati merupakan kontak rapat/PUI/PUS, jika hadir lewat ke pejabat dan sekiranya tidak dapat hadir ke pejabat atas faktor kecemasan;
- 7.12 tidak menyalahgunakan peralatan pejabat dan kemudahan pejabat yang disediakan;
- 7.13 tidak layak menuntut elaun, bayaran lebih masa, kemudahan cuti, rawatan perubatan dan kemudahan lain seperti yang diterima oleh penjawat awam;
- 7.14 tidak boleh menandatangani apa-apa dokumen rasmi kerajaan;
- 7.15 tidak menjalankan tugas yang melibatkan penggunaan dokumen terperingkat; dan
- 7.16 tidak dibenarkan menyebarkan sebarang maklumat/dokumen terperingkat milik Kerajaan.

8. TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan di tempat pelajar menjalani latihan amali/praktikum hendaklah bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut:

- 8.1 memastikan pelajar telah mendapat kelulusan penempatan daripada Bahagian Pengurusan (Cawangan Latihan & Kompetensi) Ibu Pejabat sahaja;
- 8.2 berbincang dan merancang tugas bersama pelajar;
- 8.3 memastikan pelajar diselia oleh seorang penyelia di penempatan yang ditetapkan;
- 8.4 memastikan pelajar menandatangani perakuan berkenaan dengan Aku Janji Latihan Amali/Praktikum;
- 8.5 memastikan pelajar telah menerima kelulusan (rujuk surat kelulusan Bahagian Pengurusan JKM);
- 8.6 memastikan pelajar hadir ke pejabat seperti waktu bekerja penjawat awam;
- 8.7 memastikan pelajar tidak menandatangani apa-apa dokumen rasmi kerajaan;
- 8.8 memastikan pelajar tidak menjalankan tugas yang melibatkan penggunaan dokumen terperingkat;
- 8.9 memastikan kajian/ *Corporate Social Responsibility* (CSR)/ projek yang boleh dilaksanakan oleh pelajar adalah berbentuk *project based*, *ad hoc* atau tugas bermusim; dan
- 8.10 memaklumkan kepada pihak IPT sekiranya pelajar mempunyai masalah disiplin/ tatatertib/ penutupan pejabat atau institusi akibat COVID-19.

9. DOKUMEN PERMOHONAN

Dokumen-dokumen berikut adalah diperlukan bagi memudahkan pihak JKM untuk membuat pertimbangan penempatan dan projek/tugasan yang bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar:

- 9.1 Surat Permohonan Menjalani **Latihan Amali/Praktikum** daripada IPT dikemukakan semasa membuat permohonan;
- 9.2 *Resume* pelajar yang terkini;
- 9.3 Salinan status vaksinasi yang telah lengkap pengambilan dua (2) dos vaksin dikemukakan semasa membuat permohonan;
- 9.4 Aku Janji Latihan Amali/Praktikum yang telah ditandatangani dikemukakan selepas mendapat surat kelulusan menjalani praktikum daripada JKM; dan
- 9.5 Pihak IPT hendaklah mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap melalui pos atau e-mel sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** sebelum pelajar memulakan latihan amali/praktikal ke alamat berikut;

Pengarah
Pengarah Bahagian Pengurusan
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 18, No.55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

No.Telefon : 03-8323 1862

Emel : latihan_kompetensi@jkm.gov.my

10. RUJUKAN

- 10.1 Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa:

- 10.2 Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bernombor rujukan: JPA(L)S.175/4/4-2 Klt.4 (21) bertarikh 6 September 2019 berkaitan Ketetapan Bayaran Elaun Kepada Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Yang Mengikuti Latihan Amali/Praktikal Di Sektor Awam;
- 10.3 Laman Web Kementerian Kesihatan Malaysia- Soalan Lazim (FAQ) Rasmi Berkaitan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Kemaskini pada 07/12/2020) <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm> ; dan
- 10.4 Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara (Kemaskini pada 23 Ogos 2021) <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>.

11. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan Permohonan Penempatan Pelajar bagi Menjalani Latihan Amali/Praktikum ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Februari 2022**. Penguatkuasaan Garis Panduan ini membatalkan semua Garis Panduan atau arahan terdahulu mengenai pengurusan permohonan penempatan pelajar bagi menjalani latihan amali/praktikum di Jabatan Kebajikan Masyarakat.